

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : **28 SEPTEMBER 2021 [SELASA]**

SOALAN

minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status terkini cadangan bagi membina rumah mampu milik di RPT Batu 1, Jalan Lintang untuk menyelesaikan isu setinggan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Perumahan Rakyat (PPR) merupakan program perumahan awam yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan, khususnya bagi membantu golongan setinggan dan golongan berpendapatan di bawah RM3,000 sebulan. Program ini mula dilaksanakan pada tahun 1982 di bawah Rancangan Malaysia Ketiga (RMKe-3) dan dikenali sebagai Program Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR). Program ini telah dijenamakan semula sebagai **Program Perumahan Rakyat (PPR) pada tahun 2002**, sehinggalah ke hari ini.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, terdapat 3 Program Perumahan Rakyat (PPR) yang telah siap dibina di Perak iaitu:

- (i) PPR Buntong (416 unit);
- (ii) PPR Kamunting (260 unit); dan

(iii) PPR Batu 2 ½ (240 unit).

3. Setakat ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) belum mempunyai perancangan untuk membina PPR di RPT Batu 1, Jalan Lintang. Sekiranya terdapat keperluan di lokaliti tersebut, KPKT memohon kerjasama pihak Kerajaan Negeri untuk mengenal pasti lokasi PPR yang bersesuaian serta cadangan untuk tapak PPR berkenaan.

Sekian, terima kasih.